


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

- Pada 14 November 2025, Ahli Majlis Kerja MITASA sesi 2025-2028 yang baharu dilantik melalui AGM MITASA Kali ke-37 pada 22 September 2025 telah mengadakan kunjungan pertama ke pejabat Naib Canselor UiTM. MITASA diketuai Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar Modh Zulkifli, Naib Presiden, Dr Adlan Abdul Razak, Setiausaha, Ts Nor Azlin Rosli, Penolong Setiausaha, Encik Mohd Shahrudin Mohmud, Bendahari, Dr Mohamad Firdaus Ahmad, Exco MITASA, Puan Atifah Othman dan Setiausaha Eksekutif MITASA, Puan Nadra Shafina.
- Fokus utama perbincangan adalah mengenai kepentingan dan kebajikan staf akademik UiTM, serta peranan MITASA sebagai entiti semak dan imbang. Perbincangan juga terkait dengan visi, misi, falsafah dan objektif baharu UiTM yang dilancarkan pada 13 November 2025 dalam sebuah Majlis Pelancaran Visi, Misi, Falsafah dan Objektif Baharu UiTM serta Pembentangan Pelaporan Prestasi Universiti Suku Ketiga Tahun 2025 yang dianjurkan oleh Pejabat Transformasi Universiti dengan kerjasama Pejabat Komunikasi Strategik. Majlis berlangsung di Dewan Konsert Seri Budiman dan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM telah menyampaikan poster rasmi Visi, Misi, Falsafah dan Objektif Baharu UiTM kepada Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Modh Zulkifli.
- Memetik kata-kata Naib Canselor UiTM di Facebook rasmi Naib Canselor UiTM, Y.Bhg. Prof Datuk Ts Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, beliau berkata "Alhamdulillah, banyak perkara yang dibincangkan berkaitan kepentingan dan kebajikan staff akademik UiTM. Kami turut menyatakan keperluan Kesatuan dan Persatuan menjadi unsur semak dan imbang kepada pengurusan universiti dengan semangat kebersamaan, saling mempercayai dan saling melengkapi".
- Ahli Majlis Kerja MITASA Sesi 2025-2028 menyahut seruan Y.Bhg. Naib Canselor UiTM bahawa MITASA berperanan penting sebagai penimbang tara bagi memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan ahli-ahli yang terdiri daripada staf akademik dengan berpaksikan wadah kebersamaan dalam erti kata kerjasama erat di antara kesatuan dan pihak pengurusan UiTM. MITASA amat optimis bahawa kerjasama yang padu dapat dicapai apabila pintu perbincangan antara kesatuan dan pihak pengurusan sentiasa terbuka demi kemaslahan kakitangan akademik UiTM. Semoga segala usaha kedua-dua belah pihak direstui dan diberkati oleh Maha Pencipta.

Kunjungan Hormat ke Pejabat Naib Canselor UiTM



PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.